

18/11/1997

Hadkan kebebasan untuk keadilan semua

GEORGETOWN, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sebarang had yang dikenakan terhadap kebebasan seseorang, adalah disebabkan kerajaan mahu memastikan kebebasan itu adil untuk semua orang.

Perdana Menteri berkata, semua kerajaan yang dipilih rakyat mempunyai tanggungjawab untuk melindungi 'semua orang daripada semua orang'.

"Kebebasan seseorang tidak sepatutnya menjadi igauan buruk, penderitaan atau keaiban kepada orang atau kumpulan lain. Itu bukan kebebasan yang diperjuangkan oleh kita.

"Kita (kerajaan) tidak akan mengenakan sebarang sekatan atau had jika kebebasan bagi seseorang itu tidak menghalang kebebasan bagi seorang yang lain," katanya berucap merasmikan Konvensyen Suratkhbar Cina Antarabangsa ke-30 di sini, hari ini.

Konvensyen tiga hari anjuran bersama akhbar Kwong Wah Yit Poh dan Institut Akhbar Bahasa Cina itu dihadiri kira-kira 140 wakil daripada 40 negara, termasuk China, Thailand, Panama, Amerika Syarikat.

Dr Mahathir juga mempersoalkan erti kebebasan akhbar jika ia hanya membawa kemudaratan/penderitaan kepada seseorang atau kumpulan.

"Walaupun sesuatu berita itu mempunyai fakta, tidak patutkah laporan itu mengambil kira sama ada ia mengakibatkan penderitaan atau menjatuhkan air muka seseorang atau kumpulan.

"Mungkin ada justifikasi jika laporan itu membantu membetulkan sesuatu yang salah atau mendedahkan sesuatu perkara, tetapi bagaimana pula jika ia hanya dibuat semata-mata untuk menimbulkan keresahan atau keperitan pada sesuatu pihak," katanya.

(END)